

☐ Sinar Harian
☒ Sinar Ahad
Tarikh: 20/5/2012
Mast: PAKAT MS: 412
Ruangan: KUBANG PASU

Penuntut UUM bersemangat bantu golongan susah

CHANGLUN - Pengalaman baru ditimba golongan belia terutamanya mereka yang pertama kali menyertai aktiviti sukarela membantu golongan memerlukan termasuk dalam kalangan keluarga daif.

Pekerja itu turut diakui penuntut tahun tiga dari Universiti Utara Malaysia (UUM) yang menjadi sukarelawan Persatuan Kebajikan Membasmi Kemiskinan Malaysia (Pam) membantu golongan daif menerusi Program Jejak Bantu Rakyat peringkat Parlimen Kubang Pasu semalam.

Mohd Nor Ali, 23, berkata, walaupun zaman semakin canggih, dia sungguh ter-

kejut melihat masih ramai golongan susah yang hidup melarat.

Menurutnya, pengalaman baru yang ditimba itu menjadikannya lebih bersemangat untuk terus membantu golongan memerlukan sekaligus mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan.

"Mungkin saya tidak boleh bantu dari segi wang ringgit, namun apa yang boleh dibantu adalah ilmu pengetahuan yang ada dikongsi bersama mengembangkan minda golongan itu untuk berjaya," katanya selepas program berkenaan di sini, semalam.

Sementara itu, seorang lagi penuntut

tahun pertama Teknologi Media, UUM, Siti Hajar Hussain, 21, berkata, dia gembira dapat membantu golongan susah di sini yang merasakan diri mereka terpinggir daripada masyarakat.

"Ramai golongan ini meminggirkan diri mereka kerana bimbang mereka menyusahkan orang lain, namun bagi saya jika berpeluang mengikuti program seumpama ini pada masa depan, ia tidak akan dilepaskan begitu sahaja.

"Saya mahu membantu mereka dan gembira melihat mereka juga gembira apabila dibantu," katanya.



MOHD NOR



SITI HAJAR